



LAPORAN TAHUNAN SPP

2016



LAPORAN TAHUNAN **2016**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

ISI KANDUNGAN

• PERUTUSAN PENGERUSI	6
• PENA SETIAUSAHA	10
• RINGKASAN EKSEKUTIF	14
• LATAR BELAKANG	16
• AHLI SURUHANJAYA	22
• URUS SETIA SPP	28
CARTA ORGANISASI	
PERJAWATAN URUS SETIA SPP	
FUNGSI BAHAGIAN	
• URUSAN PENGAMBILAN	38
• URUSAN PERKHIDMATAN	44
• URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB	50
• URUS SETIA CAWANGAN SABAH	54
• URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK	58
• PRESTASI KEWANGAN	62
• MESYUARAT SURUHANJAYA	64
• PELAN STRATEGIK SPP 2016 – 2020	66
• TRANSFORMASI SPP	70
SISTEM ePROPER	
SISTEM eRULING	
SISTEM PEMARKAHAN TEMU DUGA	
UJIAN PSIKOMETRIK	
SISTEM OPERASI PEJABAT SPP (e-OPeS)	
• DIARI 2016	78
• LIPUTAN MEDIA	90
• PENGiktirafan	94
• SEKALUNG PENGHARGAAN	96
• GLOSARI	98
• LAGU SPP	100





PERUTUSAN PENGERUSI

PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Alhamdulillah, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2016. Semoga laporan ini akan menjadi sumber rujukan kepada warga SPP khasnya dan agensi-agensi kerajaan lain amnya terutamanya apabila berkaitan dengan pengurusan sumber manusia sektor pendidikan.

Sepanjang tahun 2016, SPP telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sebagai sebahagian usaha transformasi ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan juga menyahut seruan kerajaan untuk Merakyatkan Perkhidmatan Awam bagi memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan.

Pelan Strategik Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2016 – 2020 telah dilancarkan pada tahun ini sebagai panduan kepada warga SPP untuk melaksanakan program yang telah dirancang agar selaras dengan visi dan misi yang ditetapkan. Pelan Strategik ini mengandungi enam (6) teras utama iaitu Memantapkan Urusan Pengambilan APP, Memperkasa Urusan Perkhidmatan, Naik Pangkat dan Tata tertib APP, Memperkuuh Organisasi, Membudayakan Penggunaan ICT, *Stakeholders' Engagement* dan Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan Pendidikan. Adalah diharapkan agar segala perancangan yang telah digariskan dalam Pelan Strategik ini akan dapat menjadikan SPP sebagai sebuah Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang masih relevan selaras dengan perubahan masa pada tahun 2020 kelak.

SPP juga telah memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat terkini untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui pembangunan beberapa sistem dalam talian yang dilaksanakan oleh warga SPP sendiri. Sistem-sistem tersebut ialah Sistem ePROPER yang bertujuan untuk memudahkan pengurusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP), Sistem Pemarkahan Temu Duga bertujuan untuk memudahkan Lembaga Temu Duga menguruskan pemarkahan calon dan Sistem eRuling bertujuan untuk menyimpan dan mengemas kini keputusan dasar yang diputuskan oleh Mesyuarat Suruhanjaya. Penggunaan sistem-sistem ini akan menyebabkan proses kerja dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan sekali gus turut memberi manfaat kepada pelanggan kerana urusan dengan SPP dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.

SPP, sebagai PBM bagi sektor pendidikan sentiasa berusaha untuk memilih calon-calon yang berpengetahuan dan mempunyai minat yang mendalam dalam bidang keguruan untuk dilantik sebagai APP. Sehubungan itu, pelbagai tapisan sebelum sesi temu duga dijalankan seperti Ujian Psikometrik dan Ujian Kecergasan Calon Guru telah dilaksanakan untuk menilai tahap kesesuaian calon sebagai APP dan memastikan setiap pegawai yang dilantik oleh SPP adalah berkualiti.

“

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada seluruh warga SPP atas kesungguhan yang ditunjukkan dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Dengan komitmen yang berterusan, pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan boleh direalisasikan untuk terus menjadikan SPP sebagai sebuah agensi kerajaan yang cemerlang.

Terima kasih.



TAN SRI DR. HAJI BIN DOLHAN
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran







PENA SETIAUSAHA

PENA SETIAUSAHA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin melahirkan rasa syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) Tahun 2016 berjaya diterbitkan. Laporan ini merekod dan merakamkan program dan aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016 selaras dengan fungsi SPP. Berdasarkan Laporan ini juga, tahap pencapaian SPP secara keseluruhan boleh diukur dan seterusnya disemak serta dikaji semula bagi tujuan penambahanbaikan program dan aktiviti bagi tahun-tahun akan datang.

Sepanjang tahun 2016, SPP telah menerima sebanyak 931,847 permohonan calon untuk mengisi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Daripada jumlah tersebut seramai 31,535 calon (3.38%) telah ditemu duga yang bukan sahaja lokasinya di Putrajaya tapi di seluruh negara bagi memudahkan kehadiran calon luar bandar dan kawasan pendalaman. Sejumlah 11,488 calon (36.42%) daripada calon ditemu duga yang berjaya ditawarkan pelantikan sebagai Anggota Perkhidmatan Pendidikan bagi tahun 2016.

Sepertimana ditetapkan dalam Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007, SPP telah mengadakan sebanyak 24 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 24 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 10 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat sepanjang tahun 2016. Sebanyak 347 kertas Suruhanjaya telah dibentang dalam mesyuarat-mesyuarat berkenaan.

Pada tahun 2016 juga, SPP telah mengorak langkah mengadakan pelbagai usaha transformasi bagi menyahut saranan Kerajaan untuk Merakyatkan Perkhidmatan Awam. Tatacara mahupun proses kerja sedia ada dipermudahkan, antaranya melalui penggunaan sistem yang dibangunkan sendiri oleh SPP seperti Sistem ePROPER dan Sistem Pemarkahan Temu Duga. Peralihan tugas secara manual kepada sistem secara berperingkat-peringkat bertujuan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan SPP kepada pelanggan. Pendekatan sesi turun padang (*engagement*) yang dilaksanakan oleh SPP sebelum ini juga diteruskan malah diperluaskan dengan mengadakan beberapa program baru pada tahun 2016 antaranya program Taklimat Persediaan Temu Duga kepada bakal graduan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Ujian Psikometrik Bagi Pelantikan Tetap Guru Interim Sabah dan Sarawak.

“

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada warga SPP yang telah memberi idea dan komitmen yang tinggi sehingga menyumbang ke arah pencapaian cemerlang SPP sepanjang tahun 2016. Semoga SPP akan kekal relevan dan berdiri teguh dalam mengharungi cabaran pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih



DATUK ABU BAKAR BIN IDRIS

Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran







RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan ini disediakan berdasarkan Fasal 1 Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki SPP menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di Parlimen.

SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 di bawah Fasal 1 Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya ialah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya di-Raja Aziz untuk bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP).

SPP menjalankan fungsinya mengikut Fasal 1 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan yang melaksanakan pelbagai urusan yang melibatkan APP seperti pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib.

Bagi urusan mesyuarat, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak 24 kali, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak 24 kali dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak 10 kali bagi tahun 2016.

Bagi tahun 2016, SPP telah diperuntukkan sebanyak RM21,525,000 bagi perbelanjaan pengurusan yang terdiri dari RM5,000,000 untuk belanja mengurus Urus Setia dan sejumlah RM16,525,000 untuk pengurusan Ahli Suruhanjaya. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah RM19,735,877 iaitu 92% dari jumlah yang diperuntukkan.

Sepanjang tahun 2016, SPP telah mengendalikan urusan pelantikan, perkhidmatan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib seperti berikut:

URUSAN PELANTIKAN	BILANGAN
PERMOHONAN	931,847
TEMU DUGA	31,535
TAWARAN PELANTIKAN	10,796
PELANTIKAN SECARA KONTRAK	692
PERTUKARAN SEMENTARA	250
PEMINJAMAN PEGAWAI	84
URUSAN PERKHIDMATAN	
PENGESAHAN PELANTIKAN	8,865
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	14,498
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN	195
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN	13,503
URUSAN KENAICKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB	
RAYUAN NAIK PANGKAT	483
KES TATATERTIB	60
HUKUMAN TATATERTIB	56
RAYUAN TATATERTIB	103

Bilangan kertas yang telah dibentangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

MESYUARAT SURUHANJAYA	BILANGAN
KERTAS PENGAMBILAN	69
KERTAS PERKHIDMATAN	49
KERTAS TATATERTIB	104
KERTAS DASAR	3
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB	
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	103
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT	
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	19




LATAR BELAKANG

PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN

SPP ditubuhkan mengikut Perkara 141A (1) Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974. Keanggotaan SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas orang Ahli Suruhanjaya.

FUNGSI SPP

SPP bertindak sebagai PBM dalam perkhidmatan pendidikan dengan menjalankan tugasnya mengikut Fasal 1 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, iaitu:



PENURUNAN KUASA FASAL 5B PERKARA 144 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Semua kuasa dan tugas SPP kecuali kuasa pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh Lembaga yang dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan perbekalan ini, Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga-lembaga Tatatertib telah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas menaikkan pangkat dan mengawal tatatertib yang tertentu. Dengan penubuhan Lembaga-lembaga yang tersebut, maka SPP tidak menjalankan tugas-tugas bagi menaikkan pangkat kecuali untuk kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan beberapa tugas mengawal tatatertib yang tertentu.

KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA FASAL 8 PERKARA 144 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SPP boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengatur acaranya dan menetapkan bilangan anggotanya untuk menjadikan kuorum. Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Pindaan) 2009 dikuatkuasakan melalui P.U.(A) 321 bertarikh 3 September 2009.

LAPORAN TAHUNAN DI BAWAH FASAL 1 PERKARA 146

SPP hendaklah menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dibentangkan di Parlimen.



PIAGAM PELANGGAN

SPP berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. SPP komited untuk mencapai Piagam Pelanggan di **Jadual 1** tercapai.

Jadual 1: Piagam Pelanggan

URUSAN	PIAGAM
Pengambilan	<p>Diselesaikan tidak lewat 12 minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tertakluk kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Jadual temu duga yang diluluskan oleh SPP; (ii) Keputusan muktamad kekosongan jawatan oleh KPM dan KPT; (iii) Permohonan yang lengkap daripada calon mengikut bidang yang dipohon; dan (iv) Tidak tertakluk kepada calon pengambilan khas seperti Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP) dan penggabungan sesuatu skim perkhidmatan.
Perkhidmatan	Tidak lewat daripada enam (6) minggu daripada tarikh perakuan lengkap diterima
Tatatertib	<ul style="list-style-type: none"> (i) Surat Keputusan Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai bagi urusan tindakan tatatertib am tidak lewat daripada tempoh 12 minggu setelah representasi dan ulasan Ketua Jabatan lengkap diterima; dan (ii) Surat keputusan Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai bagi urusan Rayuan Tatatertib dan Rayuan Naik Pangkat tidak lewat daripada tempoh lapan (8) minggu setelah surat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima.
Khidmat Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> (i) Makluman akuan penerimaan aduan dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari bekerja; (ii) Maklum balas aduan akan diberikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja; dan (iii) Pembayaran bil diselesaikan tidak lewat 14 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

LOKASI SPP



Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Urus Setia Cawangan Sabah

Aras 1, Blok A

Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-488 521/522/523/524
Faks: 088-487 257



Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Ibu Pejabat Putrajaya)

Aras 1-4, Blok B3,
Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8871 7499





AHLI SURUHANJAYA

SPP diperuntukkan seramai tiga belas Ahli Suruhanjaya (ASJ) yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas ahli yang lain. Ahli Suruhanjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat Perdana Menteri dan persetujuan Majlis Raja-Raja. Pada tahun 2016, Suruhanjaya dianggotai oleh:



1. **YBHGSRI DR. HAILI BIN DOLHAN**
Pengerusi SPP
2. **YBHGDATO' SERI DR. ABDUL RAHMAN BIN HASHIM**
Timbalan Pengerusi

3. **ENCIK AWANGKU ALI BIN PG. JUMAAT**
4. **TUAN HAJI OSMAN BIN HAJI ABD. AZIZ**



5.

ENCIK MORAZUKI BIN HASHIM

6.

YBHG. DATUK HJ MOHLIS BIN HJ JAAFAR

7.

YBHG. DATO' S.KUMARAN

8.

YBHG. DATO' MISRAH BIN HAJI IBRAHIM

9.

YBHG. DATO' DR. LEE BOON HUA



10.

10. YBHG. DATO' HAJI SUFAAT BIN TUMIN

11.

11. YBRS. DR. MASNAH BINTI ALI MUDA

12.

12. PUAN HAJAH SERINA BINTI SAUNI

13.

13. ENCIK CHOY LUP BONG

AHLI SURUHANJAYA YANG TELAH TAMAT KONTRAK PERKHIDMATAN



Puan Rahimah Binti Mohd Sura
20.02.2013 – 19.02.2016



Tuan Haji Abdul Adzis Bin Abas
20.02.2013-19.02.2016



YBhg. Dato' Dr. Soh Chee Seng
20.06.2013-19.06.2016



Tuan Haji Jamaludin Bin Yahaya
26.11.2013 - 25.11.2016



YBhg. Dato' Haji Azmi Bin Che Mat
26.11.2013 - 25.11.2016



YBhg. Dato' Abdul Halim Bin Abdul Razak
26.11.2013 - 25.11.2016



YBhg. Dato' Haji Imran Bin Idris
26.11.2013 - 25.11.2016



URUS SETIA SPP

Urusan pentadbiran SPP dilaksanakan oleh seorang Setiausaha bersama dua orang Timbalan Setiausaha dan sepuluh orang Setiausaha Bahagian. Secara keseluruhannya, sejumlah **247 orang** pegawai dan kakitangan sedang berkhidmat di tiga buah pejabat SPP iaitu di Ibu Pejabat Putrajaya, Urus Setia Cawangan Sabah dan Urus Setia Cawangan Sarawak.





4.

**PUAN ROSMASHILAH
BINTI OMAR**

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan

5.

**ENCIK SHUHARDI TURAZ
RADZIK BIN AZNAN**

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Guru

6.

**PUAN MAHERAN
BINTI ABDUL RAHMAN**

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

7.

ENCIK HAZLAN BIN HASHIM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Naik Pangkat Dan
Tata tertib

**ENCIK MOHAMAD FAHMI
BIN MOHD LATIB**

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan
Bukan Guru



9.

**PUAN WAN NURULHIDAYAH
BINTI WAN SAMSUDIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keurusetiaan

10.

**PUAN ZARITA BINTI DATO'
ZAINOL ABIDIN**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan

11.

**PUAN ZULIANA
BINTI MOHD AKOB**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar Dan
Perancangan

12.

**PUAN INTAN ZAINAB
BINTI MOHD BUSTAN**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sabah

13.

**PUAN INTANUR SURIA
BINTI WAHABI**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sarawak

SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

YBHG. DATO' ABU BAKAR BIN OTHMAN
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
01.07.2013 sehingga 06.05.2016



URUS SETIA SPP YANG TELAH BERTUKAR




ENCIK MOHD TAUPIK BIN YUSOF
Timbalan Setiausaha Pengurusan
Sehingga 18.04.2016



PUAN YASRINA BINTI YASIM
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Guru
Sehingga 26.09.2016

CARTA ORGANISASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



PERJAWATAN URUS SETIA SPP

KUMPULAN PERKHIDMATAN	IBU PEJABAT	CAWANGAN SARAWAK	CAWANGAN SABAH	JUMLAH
PENGURUSAN TERTINGGI	2	-	-	2
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	34	4	4	42
SOKONGAN	175	21	21	217
JUMLAH	211	25	25	261

FUNGSI BAHAGIAN-BAHAGIAN

Bahagian Pengambilan Guru

Bertanggungjawab menguruskan pelantikan tetap bagi jawatan PPP yang meliputi:

- Menerima unjuran keperluan pengisian jawatan calon PPP mengikut keperluan opsyen dari Kementerian / Jabatan
- Menguruskan permohonan dan urusan temu duga
- Membuat panggilan Ujian Psikometrik kepada calon
- Menguruskan tawaran dan pengesahan pelantikan

Bahagian Pengambilan Bukan Guru

- Menyediakan maklumat berhubung penyiaran iklan permohonan sepanjang masa bagi jawatan PPPT dan AKP
- Memproses dan mendaftarkan permohonan calon yang berkelayakan mengikut skim perkhidmatan
- Menguruskan permohonan dan urusan temu duga
- Menguruskan tawaran dan pengesahan pelantikan

Bahagian Perkhidmatan

Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi APP yang meliputi:

- Pengesahan dalam Perkhidmatan (PDP)
- Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP)
- Pemberian Taraf Berpencen (PTB)
- Pelantikan sementara, pelantikan secara pertukaran sementara/ peminjaman/ pertukaran tetap
- Penamatan perkhidmatan
- Pertukaran pelantikan
- Pelantikan kontrak
- Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.

Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib

- Mengendalikan urusan tatatertib am dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP/PPPT
- Mengendalikan urusan tatatertib jenayah bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP/PPPT
- Menjalankan prosedur Perintah Tahan Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP/PPPT
- Menjalankan prosedur Perintah Gantung Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP/PPPT
- Menjalankan prosedur pewartaan bagi kes tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP/PPPT
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib am bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib jenayah bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan kenaikan pangkat APP

Bahagian Dasar dan Perancangan

- Menyediakan Laporan Tahunan SPP
- Merangka dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik SPP
- Menyemak dan mengemas kini dasar dan pekeliling SPP
- Menyelaras urusan parlimen
- Mengemukakan input yang dipohon oleh agensi Kerajaan yang lain
- Urus setia Mesyuarat Perhubungan SPP dengan KPM dan KPT

Bahagian Pengurusan Maklumat

- Membangun dan memantau pematuhan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) SPP
- Membangun, melaksana dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) SPP
- Merancang dan melaksanakan perolehan ICT
- Membangun dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi SPP
- Membangun dan menyelenggara Portal SPP
- Merancang dan melaksanakan latihan penggunaan sistem-sistem aplikasi SPP
- Menyediakan khidmat bantuan teknikal berkaitan ICT
- Menyelenggara peralatan ICT
- Menguruskan pusat data SPP
- Memastikan keselamatan dan kawalan ICT terjamin

Bahagian Khidmat Pengurusan

- Menguruskan hal-ehwal perkhidmatan, pengurusan personal, pengurusan prestasi dan tatatertib
- Merancang, melaksanakan dan memantau program latihan dalaman dan luaran
- Menguruskan kewangan Jabatan
- Menguruskan aspek pentadbiran am pejabat, pengurusan aset, keselamatan, penyelenggaraan, keperluan logistik dan perhubungan awam
- Menyelaras pelaksanaan modul/ submodul aplikasi HRMIS

Bahagian Keurusetiaan

Merupakan urus setia kepada mesyuarat-mesyuarat berikut:

- Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (MSJ)
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan (MLRTT)
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (MLRKP) dan Mesyuarat Search Committee SPP
- Menyelaraskan kertas-kertas mesyuarat
- Menguruskan hal ehwal Ahli Suruhanjaya

Unit Integriti

- Pengukuhan integriti dan tadbir urus
- Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) SPP
- Pematuhan terhadap peraturan semasa yang berkuat kuasa
- Pengesahan dan pengesahan terhadap laporan audit yang diterima
- Menyelaras proses siasatan terhadap laporan yang diterima
- Urus setia Lembaga Tatatertib SPP

Urus Setia Cawangan Sarawak dan Sabah

- Menubuhkan Lembaga Permulaan bagi APP untuk membuat penapisan terhadap calon-calon yang telah mengemukakan permohonan bagi tujuan pengambilan sebelum dilantik ke jawatan tetap
- Menguruskan temu duga bagi pengambilan APP
- Menyemak dan memperakulkan urusan PTP APP
- Menyemak dan memperakulkan urusan PDP APP
- Menyemak dan memperakulkan urusan PTB APP
- Mengeluarkan notis Penamatan Perkhidmatan
- Menyemak dan memperakulkan urusan Tukar Lantik AKP
- Menguruskan urusan Pentadbiran seperti Penyewaan ruang pejabat, penyelenggaraan bangunan dan sebagainya
- Menguruskan rekod kewangan
- Menguruskan keperluan sumber manusia seperti penyenggaraan rekod kursus, cuti, kehadiran, HRMIS, Buku Rekod Perkhidmatan dan sebagainya
- Menguruskan rekod stok dan aset
- Menguruskan fail dan rekod
- Menyediakan khidmat sokongan dalam urusan temu duga
- Membantu dalam menguruskan penyelenggaraan sistem aplikasi dan sandaran yang diguna pakai dalam melaksanakan tugas-tugas utama





URUSAN PENGAMBILAN

Proses pengambilan yang dilaksanakan oleh SPP bermula apabila pihak KPM atau KPT memaklumkan bilangan kekosongan jawatan yang perlu diisi sama ada jawatan PPP, PPPT atau AKP. Pengisian jawatan PPP difokuskan kepada graduan pendidikan keluaran Universiti Awam (UA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Manakala pengambilan PPPT dan AKP adalah didasarkan kepada permohonan melalui JobsMalaysia. Senarai skim perkhidmatan yang pelantikannya diuruskan oleh SPP adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Senarai Skim Perkhidmatan Yang Diuruskan Oleh SPP


JAWATAN	
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	
PPP GRED DG41 /DG29	
PPPT GRED DH53/ DH51/ DH47/ DH43/ DH41/ DH33/ DH31/ DH29	
ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA	
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) [PT(P/O)] GRED N19	
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) [PT(KEW)] GRED W19	
PENYELIA ASRAMA GRED N19	
PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) GRED N19	
PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (PKP) GRED N19	
PEMBANTU MAKMAL (PM) GRED C19	
PEMBANTU OPERASI (PO) GRED N11	
PEMANDU KENDERAAN GRED H11	
PEMBANTU AWAM GRED H11	

Secara keseluruhannya SPP menerima seramai **931,847** permohonan pengisian jawatan pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, **31,535** orang calon telah dipanggil temu duga dan **10,796** orang calon telah ditawarkan pelantikan. Ringkasan urusan pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh SPP adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 3**. Manakala perbandingan jumlah permohonan, temu duga dan tawaran pelantikan serta pecahannya mengikut skim perkhidmatan ditunjukkan di **Carta 1**.

Jadual 3: Bilangan Permohonan, Temu Duga Dan Tawaran Pelantikan Jawatan PPP, PPPT Dan AKP Bagi Tahun 2016

URUSAN	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
PERMOHONAN	69,175	54,850	807,822	931,847
TEMU DUGA	10,567	-	20,968	31,535
TAWARAN PELANTIKAN	9,344	39	1,413	10,796

Carta 1: Perbandingan Urusan Pelantikan Mengikut Kategori / Skim Perkhidmatan Bagi Tahun 2016



URUSAN PELANTIKAN TETAP PPP

Urusan pengambilan PPP bagi tahun 2016 merangkumi calon seperti berikut:

- Graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) daripada IPGM;
- Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) daripada UA; dan
- Graduan Program *Teach For Malaysia* (TFM).

Perangkaan urusan pengambilan PPP mengikut gred jawatan adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4: Urusan Pelantikan PPP Bagi Tahun 2016

WILAYAH	URUSAN PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN		
				PPP DG41	PPP DG29
SEMENTERI	38,124	8,591	6,928		
SABAH	4,276	907	1,346		
SARAWAK	4,425	1,058	1,059		
JUMLAH	46,825	10,556	9,333		
SEMENTERI	18,037	7	7		
SABAH	2,465	3	3		
SARAWAK	1,848	1	1		
JUMLAH	22,350	11	11		
JUMLAH KESELURUHAN	69,175	10,567	9,344		

URUSAN PELANTIKAN TETAP PPPT

Urusan pengambilan PPPT bagi tahun 2016 melibatkan calon daripada pasaran terbuka dan calon tajaan Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP). Perangkaan urusan pengambilan PPPT melibatkan calon pasaran terbuka adalah seperti di **Jadual 5** manakala perangkaan pelantikan PPPT melibatkan calon tajaan SLTP adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 5: Urusan Pelantikan Tetap PPPT Bagi Tahun 2016 (Pasaran Terbuka)

WILAYAH	URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
PPPT DH41				
SEMENANJUNG		29,031	-	31
SABAH		2,562	-	2
SARAWAK		2,269	-	3
JUMLAH		33,862	-	36
PPPT DH29				
SEMENANJUNG		17,849	-	3
SABAH		1,723	-	-
SARAWAK		1,416	-	-
JUMLAH		20,988	-	3
JUMLAH KESELURUHAN		54,850	-	*39

*39 pegawai yang ditawarkan merupakan calon simpanan sesi temu duga tahun 2015. Hanya 28 orang telah menerima tawaran manakala 11 orang menolak tawaran tersebut.

Jadual 6: Urusan Pelantikan Tetap PPPT Bagi Tahun 2016 (Calon Tajaan SLTP)

URUSAN	JENIS PELANTIKAN	PELANTIKAN SEMENTARA	PELANTIKAN TETAP
TEMU DUGA		-	44
TAWARAN PELANTIKAN		32	*44

*44 PPPT yang dilantik tetap merupakan calon SLTP yang dilantik sementara pada tahun 2015.

URUSAN PELANTIKAN TETAP AKP

SPP melaksanakan iklan pengambilan sepanjang masa bagi pengisian jawatan AKP melalui Portal JobsMalaysia. Kelayakan masuk ke jawatan AKP adalah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Perangkaan pengambilan AKP bagi tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 7**.


Jadual 7: Urusan Pelantikan Tetap AKP Bagi Tahun 2016

WILAYAH	URUSAN	PERMOHONAN	TEMU DUGA	TAWARAN PELANTIKAN
PT (PO) N19				
SEMENANJUNG	136,615	4,018	220	
SABAH	24,456	51	12	
SARAWAK	71,462	291	30	
JUMLAH	232,533	4,360	262	
PT (KEW) N19				
SEMENANJUNG	46,306	1,041	30	
SABAH	7,699	19	6	
SARAWAK	23,059	54	5	
JUMLAH	77,064	1,114	41	
PPM N19				
SEMENANJUNG	99,116	4,085	270	
SABAH	21,285	432	91	
SARAWAK	53,738	707	85	
JUMLAH	174,139	5,224	446	
PM C19				
SEMENANJUNG	78,253	3,124	232	
SABAH	14,015	99	36	
SARAWAK	-	-	-	
JUMLAH	92,268	3,223	268	
PENYELIA ASRAMA N19				
SEMENANJUNG	59,068	768	27	
SABAH	13,521	19	4	
SARAWAK	33,396	129	14	
JUMLAH	105,985	916	45	
PKP N19				
SEMENANJUNG	55,444	792	7	
SABAH	8,945	1	1	
SARAWAK	-	-	-	
JUMLAH	64,389	793	8	
PO N11				
SEMENANJUNG	15,818	3,656	192	
SABAH	2,811	13	2	
SARAWAK	22,861	976	104	
JUMLAH	41,490	4,645	298	
PEMANDU KENDERAAN H11				
SEMENANJUNG	5,964	637	36	
SABAH	8,178	36	7	
SARAWAK	5,812	20	2	
JUMLAH	19,954	693	45	
JUMLAH KESELURUHAN	807,822	20,968	1,413	


PERBANDINGAN URUSAN PENGAMBILAN PPP, PPPT DAN AKP

Perbandingan urusan permohonan, panggilan temu duga dan tawaran pelantikan tetap mengikut jawatan bagi tempoh tiga tahun mulai 2014 hingga 2016 adalah seperti yang ditunjukkan oleh **Carta 2, 3 dan 4**.


Carta 2: Perbandingan Urusian Pengambilan PPP Bagi Tahun 2014 Hingga 2016



Carta 3: Perbandingan Urusian Pengambilan PPPT Bagi Tahun 2014 Hingga 2016



Carta 4: Perbandingan Urusian Pengambilan AKP Bagi Tahun 2014 Hingga 2016





URUSAN PERKHIDMATAN

PENGESAHAN PELANTIKAN

SPP telah mengesahkan pelantikan seramai 8,865 APP pada tahun 2016. Maklumat pengesahan pelantikan adalah seperti di **Jadual 8** dan perbandingan pengesahan pelantikan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2016 seperti di **Carta 5**.


Jadual 8: Pengesahan Pelantikan APP Bagi Tahun 2016

WILAYAH \ KUMPULAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	6,273	76	230	6,579
SABAH	1,296	-	156	1,452
SARAWAK	627	-	207	834
JUMLAH	8,196	76	593	8,865

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pada tahun 2016, SPP telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan untuk **14,498** APP yang dilaksanakan mengikut Peraturan 29 dan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 9**. Perbandingan pengesahan dalam perkhidmatan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2016 seperti di **Carta 6**.


Carta 5: Perbandingan Pengesahan Pelantikan APP Bagi Tahun 2016



Jadual 9: Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP Bagi Tahun 2016

WILAYAH \ KUMPULAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	7,561	311	1,817	9,689
SABAH	2,040	23	246	2,309
SARAWAK	2,304	26	170	2,500
JUMLAH	11,905	360	2,233	14,498

Carta 6: Perbandingan Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP Bagi Tahun 2016




PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Sebanyak **195** orang APP telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan oleh SPP pada tahun 2016 mengikut Peraturan 30, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 10**. Perbandingan pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2016 seperti di **Carta 7**.

Jadual 10: Pelanjutan Tempoh Percubaan APP Mengikut Wilayah Bagi Tahun 2016

WILAYAH	KUMPULAN		AKP	JUMLAH
	PPP	PPPT		
SEMENANJUNG	86	-	49	135
SABAH	22	-	23	45
SARAWAK	9	-	6	15
JUMLAH	117	-	78	195

Carta 7: Perbandingan Pelanjutan Tempoh Percubaan APP Bagi Tahun 2016




PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

SPP telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada **13,503** orang APP pada tahun 2016 yang dilaksanakan mengikut Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatian Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 11**. Perbandingan pemberian taraf berpencen bagi tahun 2016 seperti di **Carta 8**.

Jadual 11: Pemberian Taraf Berpencen APP Mengikut Wilayah Bagi Tahun 2016

WILAYAH	KUMPULAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	8,283	133	1,435	9,851	
SABAH	1,342	3	340	1,685	
SARAWAK	1,756	1	210	1,967	
JUMLAH	11,381	137	1,985	13,503	

Carta 8: Perbandingan Pemberian Taraf Berpencen APP Bagi Tahun 2016



PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2016, SPP telah mengeluarkan **lima (5) notis cadangan penamatian** kepada pegawai dan telah menamatkan perkhidmatan **seorang (1)** pegawai.

PERTUKARAN PELANTIKAN

Sepanjang tahun 2016, SPP telah meluluskan **dua (2) pertukaran pelantikan** yang dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016.

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan ke perkhidmatan yang lain dalam angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah PBM yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan asalnya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Bagi tahun 2016, SPP telah meluluskan permohonan pelepasan untuk pertukaran sementara seramai **250 orang APP** bagi membolehkan mereka berkhidmat di luar perkhidmatan pendidikan. Pelantikan secara pertukaran ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Maklumat pelepasan untuk pertukaran sementara bagi tahun 2016 adalah seperti **Jadual 12**.

Jadual 12: Pelepasan Untuk Pertukaran Sementara APP Bagi Tahun 2016

URUSAN	KUMPULAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
PELEPASAN BAGI URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA		130	13	-	143
PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA		45	4	-	49
PEMENDEKAN BAGI URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA		54	4	-	58
JUMLAH		229	21	-	250

PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan mana-mana pegawai mengikut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan iaitu pegawai dalam perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundungan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan ke perkhidmatan awam tiap-tiap negeri (selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis), Pihak Berkuasa Berkunun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

Pelantikan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012.

SPP telah meluluskan permohonan pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman seramai **84 orang APP** bagi memberi pelepasan kepada seseorang pegawai oleh SPP sebagai PBM untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah PBM yang lain seperti perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundungan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau perkhidmatan awam bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus. Maklumat pelepasan untuk peminjaman bagi tahun 2016 adalah seperti **Jadual 13**.

Jadual 13: Pelepasan Untuk Peminjaman APP Bagi Tahun 2016

URUSAN	KUMPULAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
PELEPASAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN		40	2	3	45
PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PEMINJAMAN		14	-	-	14
PEMENDEKAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN		23	1	1	25
JUMLAH		77	3	4	84

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP

Pelantikan secara pertukaran tetap ialah pelantikan pegawai yang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam sekurang-kurangnya setahun, di mana dengan pelantikan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencegahan dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap. Walau bagaimanapun sepanjang tahun 2016, tiada sebarang permohonan berkaitan urusan ini.

PELANTIKAN KONTRAK

Selain pelantikan tetap, SPP juga turut membuat pelantikan secara kontrak yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016.

Pada tahun 2016, daripada jumlah pelantikan kontrak seramai 692 orang, SPP telah melantik seramai **341 orang** untuk lantikan pertama. Manakala seramai **351 orang** pula telah dilantik semula secara kontrak. Bilangan pelantikan kontrak adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14: Bilangan Pelantikan Kontrak Bagi Tahun 2016

JAWATAN	PELANTIKAN PERTAMA	PELANTIKAN SEMULA
PPP GRED TURUS III	1	-
PPPT GRED DH44	1	-
PPP GRED DG41 (TFM)	49	-
PPP GRED DG41 (TAHFIZ)	285	-
PPP GRED DG41 (SABK)	4	135
PPP GRED DG38	1	-
PPP GRED DG29 (SABK)	-	172
ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA	-	44
JUMLAH	341	351
JUMLAH KESELURUHAN		692

KEMBALI KE SKIM PERKHIDMATAN TERDAHULU

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam skim perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain. Permohonan pegawai boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai telah melalui tempoh percubaan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu, ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan mestilah diperoleh dan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah bidang kuasa PBM yang sama. Namun begitu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan.




URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB

TINDAKAN TATATERTIB

Bagi tahun 2016, SPP telah menimbang dan memutuskan sebanyak **60 kes** tatatertib merangkumi tatatertib am dan tatatertib jenayah seperti di **Jadual 15**. Pecahan peratusan kes tatatertib bagi tahun 2016 ditunjukkan di **Carta 9**. Manakala **Jadual 16** menunjukkan hukuman tatatertib yang telah dijatuhkan ke atas APP sepanjang tahun 2016.

Carta 9: Pecahan Kes Tatatertib Bagi Tahun 2016



Jadual 15: Kes Tatatertib Bagi Tahun 2016

KES TATATERTIB	PPP	PPPT	JUMLAH
TIDAK HADIR BERTUGAS	27	2	29
TATAKELAKUAN	7	-	7
SABITAN MAHKAMAH	24	-	24
JUMLAH	58	2	60

Jadual 16: Hukuman Tatatertib (Am dan Jenayah) Bagi Tahun 2016

HUKUMAN	JUMLAH
AMARAN	4
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	1
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN GAJI	4
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN PANGKAT	1
AMARAN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	4
AMARAN DAN TURUN GAJI	7
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN PANGKAT	2
TURUN GAJI	2
TURUN PANGKAT	2
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN BUANG KERJA	20
BUANG KERJA	9
JUMLAH	56

Baki empat (4) kes tidak dijatuhkan hukuman tatatertib atas sebab-sebab yang berikut:

- (i) Satu (1) kes pegawai dibersarakan atas sebab kesihatan; dan
- (ii) Tiga (3) Kes pegawai dibebaskan daripada tindakan tatatertib.

PEWARTAAN

Sepanjang Tahun 2016, SPP telah bersetuju mewartakan **empat (4) orang** pegawai bagi jumlah kes tidak hadir bertugas tanpa cuti dan tidak dapat dikesan mengikut Peraturan 26, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib).

PERINTAH TAHAN KERJA DAN PERINTAH GANTUNG KERJA

Perintah Tahan Kerja (PTK) dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

- (i) Prosiding jenayah; atau
- (ii) Prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

Manakala Perintah Gantung Kerja (PGK) pula dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

- (i) Pegawai Telah Disabitkan Oleh Mana-Mana Mahkamah; atau
- (ii) Suatu Perintah Tahanan, Pengawasan, Kediaman Terhad, Buang Negeri Dan Sebagainya Seperti Dinyatakan Di Bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 Telah Dibuat Terhadap Pegawai.

Pada tahun 2016, SPP telah meluluskan sebanyak **enam (6) Perintah Tahan Kerja** dan sebanyak **22 Perintah Gantung Kerja** seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17: Kelulusan Perintah Tahan Kerja Dan Perintah Gantung Kerja Bagi Tahun 2016

JENIS KESALAHAN	PERINTAH	
	PTK	PGK
AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997/ AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009	1	1
AKTA DADAH BERBAHAYA 1952	1	4
KESALAHAN DI BAWAH KANUN KESEKSAAN/ UNDANG-UNDANG LAIN	4	13
KESALAHAN JENAYAH DI BAWAH AKTA/ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH ATAU ENAKMEN UNDANG-UNDANG ISLAM	-	4
JUMLAH	6	22


RAYUAN TATATERIB

Pada tahun 2016, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan telah menimbang dan memutuskan sebanyak **103 kes rayuan** tatatertib bagi APP seperti di **Jadual 18**. Pecahan peratusan keputusan rayuan tatatertib bagi tahun 2016 ditunjukkan di **Carta 10**.

Jadual 18 : Keputusan Kes Rayuan Tatatertib Bagi Tahun 2016

KEPUTUSAN	JUMLAH
MENGHANTAR BALIK KES KEPADA LEMBAGA TATATERTIB UNTUK DITIMBANG SEMULA	2
MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB	96
MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB TENTANG SALAH LAKU PERAYU TETAPI MENGUBAH HUKUMAN KEPADA HUKUMAN YANG LEBIH RINGAN	4
MENGAKAS KEPUTUSAN HUKUMAN LEMBAGA TATATERTIB DAN MEMBEBAKAN PERAYU	1
JUMLAH	103

Carta 10 : Keputusan Kes Rayuan Tatatertib Bagi Tahun 2016



RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

SPP selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat telah mempertimbangkan dan menolak **483 rayuan kenaikan pangkat**. Rayuan kenaikan pangkat tahun 2016 yang diterima daripada APP adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19: Keputusan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat
Mengikut Gred Jawatan PPP dan PPPT Bagi Tahun 2016

KATEGORI RAYUAN KENAICKAN PANGKAT	KEPUTUSAN RAYUAN BIL. RAYUAN DITOLAK
PPP GRED DG48 KE GRED DG52	130
PPPT GRED DH48 KE GRED DH52	4
PPP GRED DG44 KE GRED DG48	18
PPPT GRED DH44 KE GRED DH48	1
PPP GRED DG41 KE GRED DG44	285
PPPT GRED DH41 KE GRED DH44	45
JUMLAH	483



**URUS SETIA
CAWANGAN SABAH**

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Urusetia Cawangan Sabah (USC Sabah) telah menyusun dan berjaya melaksanakan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2016 bagi mencapai objektif organisasi, iaitu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua APP di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

USC Sabah pada awalnya telah melaksanakan penambahbaikan dalaman bagi mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan ergonomik, iaitu dengan melupuskan semua fail perkhidmatan yang tidak aktif. Operasi pelupusan ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada penjimatan yang optimum dengan menamatkan penyewaan ruang di Wisma BSN, Jalan Kemajuan Karamunsing, Kota Kinabalu yang memakan kos sebanyak RM14,000.00 sebulan. Warga USC Sabah mengambil masa enam (6) bulan bagi proses mengasingkan dan mengimbas sebanyak 65,000 dokumen perkhidmatan APP. Hasil daripada pelaksanaan operasi ini, kos sewaan bangunan sebanyak RM168,000.00 setahun dan perbelanjaan sebanyak RM87,120.00 dapat dijimatkan.

USC Sabah juga telah mengatur perancangan bagi memantapkan lagi komunikasi di antara warga SPP dengan pelanggan, khususnya kerani perkhidmatan yang merupakan ‘focal person’ sekolah dan PTJ kepada USC

Sabah. Pelantikan Rakan Strategik SPP telah dilaksanakan dengan pelantikan 437 Rakan Strategik untuk kumpulan pertama iaitu di empat (4) zon yang telah dikenal pasti pada 23 Mei 2016. Pelantikan Rakan Strategik SPP diadakan di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kota Kinabalu, Sabah dan disempurnakan oleh Pengerusi SPP, Tan Sri Dr. Haili Bin Dolhan. Zon-zon yang terlibat adalah Zon Kota Kinabalu, Penampang, Tawau dan Sandakan. Program *Engagement* SPP Sabah dengan Rakan Strategi SPP sebagai program susulan, telah diadakan pada 9-18 November 2016 di Tawau, Sandakan, Lahad Datu, dan Semporna.

Program ini diadakan ekoran daripada permasalahan yang sering timbul seperti kes-kes pegawai yang telah lama berkhidmat namun masih belum mendapat PDP ataupun PTB. Secara spesifiknya, objektif utama penganjuran program tersebut adalah bagi:

- (i) Mewujudkan jaringan perhubungan Rakan Strategik SPP Sabah dan Labuan (*engagement*);
- (ii) Menyampaikan taklimat secara terperinci melalui pendekatan teori dan praktikal mengenai urusan perkhidmatan PPP dan AKP (*explain and educate*); dan
- (iii) Memantapkan urusan perkhidmatan bagi APP di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah di Sabah.

Operasi Pelupusan Fail (Mengasing Dan Mengimbas Dokumen SPP Tidak Aktif) Bagi Tahun 2016



Selain itu, hasil inisiatif USC Sabah dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), Taklimat Panduan Temu Duga Wakil Jabatan serta Pelantikan Wakil Jabatan bagi Urusan Temu Duga telah dilaksanakan pada 24 November 2016 di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu. Taklimat serta upacara pelantikan Wakil Jabatan disempurnakan oleh Setiausaha SPP, YBhg. Datuk Abu Bakar Bin Idris dengan satu taklimat yang inklusif oleh Setiausaha Bahagian USC Sabah, Puan Intan Zainab Binti Mohd Bustan. Timbalan Pengarah JPNS, YBhg. Datuk Dr. Kassim bin Mohd

Ibrahim turut menghadiri sesi tersebut. Seramai 108 jumlah wakil jabatan seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang terdiri daripada kalangan guru cemerlang telah dilantik dalam upacara ini dan diberikan taklimat sebagai pendedahan dan persediaan awal semasa sesi temu duga. Selain itu, penglibatan wakil dari JPNS sebagai wakil jabatan juga adalah bertujuan bagi menambah baik proses temu duga bagi membantu Ahli Suruhanjaya mendapatkan calon terbaik untuk berkhidmat di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Taklimat Mengenai Urusan Perkhidmatan Kepada ‘Rakan Strategik SPP’ Zon Kota Kinabalu Dan Pantai Timur Sabah



Taklimat Panduan Urusan Temu Duga SPP Kepada Wakil Jabatan







URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK

PROGRAM BERSAMA RAKYAT

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Urusetia Cawangan Sarawak (USC Sarawak) telah menyertai Program Sejiwa Senada anjuran Kerajaan Negeri Sarawak di lima (5) buah lokasi iaitu Sibu, Sarikei, Saratok, Samarahan dan Kuching bermula Januari hingga April 2016. Dalam program ini, USC Sarawak berfungsi menyampaikan maklumat pengambilan kepada orang ramai di samping membantu pendaftaran pencari kerja secara dalam talian di www.jobsmalaysia.gov.my. Selain itu, USC Sarawak juga memberikan konsultasi mengenai urusan perkhidmatan APP di kaunter yang disediakan.

Selain menyertai program anjuran kerajaan negeri, USC Sarawak turut serta secara aktif dalam program pemimpin bersama rakyat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Cawangan Sarawak dan Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) Cawangan Sarawak. Dalam program ini, USC Sarawak berperanan menyampaikan maklumat mengenai peluang kerjaya di sektor pendidikan dan juga membantu pendaftaran pencari kerja secara dalam talian. Terdapat dua (2) program yang telah dianjurkan iaitu di Rh. Jarau, Sg. Plan, Bintulu dan Rh. Pagah serta Rh. Jelaping, Sg. Sangan, Bintulu masing-masing pada bulan Mac dan Oktober 2016.

JALINAN KERJASAMA

USC Sarawak juga telah mengadakan sesi kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sarawak, Allahyarham Tan Sri Datuk Patinggi (Dr.) Adenan Satem pada 20 Jun 2016. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk memaklumkan status pencapaian pelaksanaan dasar 90:10 di samping memperjelas peranan SPP dalam memastikan dasar ini berjaya dicapai. Kunjungan hormat yang berikutnya adalah pada 14 September 2016 kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS), YBhg. Datuk Mohd Zuki Ali. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk memaklumkan peranan dan fungsi SPP di negeri Sarawak.

Kunjungan Hormat Kepada Ketua Menteri Sarawak



Bagi memahami keperluan sektor pendidikan di negeri Sarawak, satu sesi perbincangan telah diadakan di antara SPP dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNQ) pada 20 Jun 2016. Pelbagai isu pengambilan dan perkhidmatan telah dibincangkan seperti pengambilan secara pasaran terbuka dan interim serta isu pelaksanaan dasar 90:10.

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi Lembaga Temu Duga SPP Negeri Sarawak



PERWAKILAN KUASA

Selaras dengan penurunan kuasa yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Sarawak, SPP telah pun bersetuju mewakilkan fungsi Pengerusi Lembaga Temu Duga kepada PPP yang berasal dari negeri Sarawak mulai 1 Oktober 2016. Majlis penyampaian surat pelantikan telah diadakan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Sarawak pada 26 September 2016. Surat lantikan ini telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Joseph Entulu Belaun.

SIRI JELAJAH IPG DAN NAZIRAN

Pada tahun 2016, sebagai salah satu langkah persediaan menghadapi temu duga kepada calon pelajar IPG, satu siri jelajah IPG di negeri Sarawak telah diadakan bermula dengan IPG Kampus Samarahan pada 12 Oktober 2016. Ini diikuti dengan taklimat di IPG Kampus Batu Lintang pada 13 Oktober 2016, IPG Kampus Bintangor pada 19 Oktober 2016 dan IPG Kampus Miri pada 21 Oktober 2016. USC Sarawak juga telah sekali lagi dijemput ke IPG Batu Lintang pada 21 November 2016 bagi memberikan sesi taklimat khas kepada calon guru Kursus Dalam Cuti (KDC) sebagai persiapan menghadapi temu duga selepas tamat berkursus.

USC Sarawak juga menjalankan urusan naziran bagi memastikan urusan perkhidmatan berjalan lancar. Pada tahun 2016, sebanyak empat (4) urusan naziran telah dilaksanakan iaitu di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Saratok, PPD Lundu, IPG Kampus Miri dan PPD Simunjan.






PRESTASI KEWANGAN

SPP diperuntukkan sebanyak **RM21,525,000.00** bagi perbelanjaan mengurus di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2016 dengan jumlah emolumen sebanyak **RM15,781,400.00**. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah **RM19,735,877.42**. Perangkaan peruntukan dan perbelanjaan di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 20** dan perbandingan bagi Bajet T10 dan B40 bagi tahun 2016 seperti **Carta 11** dan **Carta 12**.

Jadual 20: Bajet T10 Dan B40 Bagi Tahun 2016


PERKARA MAKSUD	JUMLAH PERUNTUKAN	EMOLUMEN	JUMLAH PERBELANJAAN	PERATUS PERBELANJAAN (%)
T10	5,000,000.00	3,147,500.00	3,81,861.56	76.28
B40	16,525,000.00	12,633,900.00	15,922,015.86	96.35
JUMLAH	21,525,000.00	15,781,400.00	19,735,877.42	91.69

Carta 11: Bajet T10



█ Peruntukan
█ Emolumen
█ Perbelanjaan

Carta 12 : Bajet B40



█ Peruntukan
█ Emolumen
█ Perbelanjaan



MESYUARAT SURUHANJAYA

Pelaksanaan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007 (P.U.A) 189/2007. Sepanjang tahun 2016, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak 24 kali, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak 24 kali dan untuk Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak 10 kali. Bilangan kertas mesyuarat tersebut adalah seperti **Jadual 21** dan pecahan mengikut peratus kertas Mesyuarat Suruhanjaya seperti di **Carta 13**.


**Mesyuarat Suruhanjaya Diadakan
Dua Kali Setiap Bulan**



Jadual 21: Bilangan Kertas Mesyuarat Suruhanjaya Bagi Tahun 2016

PERKARA	JUMLAH
KERTAS PENGAMBILAN	69
KERTAS PERKHIDMATAN	49
KERTAS TATATERTIB	104
KERTAS DASAR	3
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB	
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	103
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT	
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	19

Carta 13: Pecahan Peratus Kertas Suruhanjaya Yang Telah Dibentangkan Bagi Tahun 2016






PELAN STRATEGIK SPP

2016-2020

Peneraju Transformasi Modal Insan Perkhidmatan Pendidikan dalam tempoh lima tahun. Ia menetapkan pelan tindakan dan inisiatif SPP untuk meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan selaras dengan agenda nasional negara iaitu Wawasan 2020.

Sebagai salah sebuah agensi Kerajaan, SPP turut komited untuk mencapai Wawasan 2020 ini. Semua program yang dirancang bagi lima tahun akan datang telah mengambil kira isu dan cabaran semasa, perubahan persekitaran domestik dan antarabangsa, bajet tahunan dan dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan khususnya Rancangan Malaysia Keselbelas (RMK-11) (2016 – 2020), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2015-2035) (Pendidikan Tinggi). Sehubungan itu, Pelan Strategik SPP 2016 – 2020 dirangka untuk mencapai matlamat tersebut dengan menggariskan enam teras iaitu:



Terdahulu

Pelan Strategik SPP
2009 – 2015

Majlis Pelancaran Pelan Strategik Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2016-2020



TERAS 1

Memantapkan urusan pengambilan APP

STRATEGI
01

Menambah baik urusan pengambilan berkaitan proses kerja dan pengurusan kes

STRATEGI
02

Melantik bakat terbaik dalam perkhidmatan pendidikan

STRATEGI
03

Meningkatkan pengambilan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam perkhidmatan pendidikan

STRATEGI
04

Memantapkan kualiti panel temu duga dan wakil Jabatan

STRATEGI
05

Mendokumentasikan buku panduan berkaitan urusan pengambilan

TERAS 3

Memperkuuh Organisasi

STRATEGI
01

Merangka Pelan Pembangunan Sumber Manusia SPP

STRATEGI
02

Membangunkan modal insan warga SPP

STRATEGI
03

Membudayakan nilai etika SPP

STRATEGI
04

Memperkemas pengurusan kualiti SPP

STRATEGI
05

Menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti

STRATEGI
06

Mewujudkan pelan penggantian

STRATEGI
07

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif

STRATEGI
08

Memantapkan struktur organisasi dan prosedur kerja

TERAS 2

Memperkasa Urusan Perkhidmatan, Naik Pangkat dan Tatatertib APP

STRATEGI
01

Menambah baik urusan perkhidmatan, naik pangkat dan tatatertib

STRATEGI
02

Menambah baik urusan naziran/ pengauditan perkhidmatan, naik pangkat dan tatatertib

STRATEGI
03

Meningkatkan kefahaman mengenai urusan perkhidmatan, naik pangkat dan tatatertib di kalangan warga SPP dan APP

TERAS 4

Membudayakan Penggunaan ICT

STRATEGI
01

Memantapkan urusan penyampaian SPP

STRATEGI
02

Meningkatkan kemahiran penggunaan ICT

TERAS 6

Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam

STRATEGI
01

Menyebarluaskan maklumat mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh SPP

STRATEGI
02

Memantau dan menganalisa aduan pelanggan


TERAS 5

Stakeholders Engagement

STRATEGI
01

Merapatkan hubungan antara SPP dan pelanggan

Pelan Strategik SPP
2016-2020





TRANSFORMASI SPP

SISTEM ePROPER

Sistem Proses Perkhidmatan (ePROPER) adalah sistem maklumat bersepada untuk menyokong proses perakuan urusan perkhidmatan secara dalam talian bagi APP di bawah bidang kuasa SPP. Sistem ini merupakan sistem yang dibangunkan oleh SPP bagi membolehkan Ketua Jabatan di semua peringkat agensi di bawah KPM dan KPT memperakui secara dalam talian bagi urusan perkhidmatan APP yang berkaitan. Urusan perkhidmatan yang terlibat melalui sistem ePROPER adalah PPT, PDP, PTP dan PTB.

Pengguna sistem ePROPER yang terdiri daripada Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Ketua Pembantu Tadır, Guru Besar dan Pengetua sekolah akan merekodkan maklumat senarai semak mengikut urusan perkhidmatan APP melalui sistem ePROPER.

Sistem ePROPER telah dibangunkan secara dalaman oleh BPM dengan mengintegriasi data APP dengan sistem Pengambilan dan Perkhidmatan (eSPP). Bagi melincinkan pelaksanaan sistem ePROPER, dua (2) sistem sokongan turut dibangunkan iaitu :

(i) Sistem Rakan Strategik

Untuk membolehkan pengguna sistem ePROPER mengemukakan pertanyaan/aduan berkaitan urusan perkhidmatan APP.

(ii) Laman Info dan Soalan Lazim

Sebagai satu platform pengumpulan soalan berkaitan urusan perkhidmatan APP untuk panduan dan rujukan pengguna sistem ePROPER.

Di samping itu juga, kemudahan cetakan surat pengesahan perkhidmatan secara dalam talian melalui Portal Rasmi SPP turut dibangunkan.

**Kursus Sistem ePROPER
Kepada Wakil Sekolah di Putrajaya**



Pelaksanaan Urusan Perkhidmatan Secara Online



Jadual 22: Statistik Urusan Perkhidmatan Yang Telah Diproses Melalui Sistem ePROPER Bagi Tahun 2016

URUSAN	KUMPULAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
PENGESAHAN PELANTIKAN		4	-	3	7
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN		19	-	3	22
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN		-	-	-	-
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN		46	-	2	48
JUMLAH		69	-	8	77

Sistem ePROPER telah dilancarkan pada 6 Mei 2016 dan dilaksanakan secara berperingkat melalui Projek Rintis Fasa I kepada 24 sekolah di Putrajaya. Latihan pengguna juga telah diberikan kepada sekolah-sekolah yang terlibat. Statistik urusan perkhidmatan yang telah diproses melalui Sistem ePROPER adalah seperti di **Jadual 22**.

SPP telah melaksanakan dua (2) kali naziran pada tahun 2016 ke atas 14 buah sekolah di WP Putrajaya yang telah menggunakan Sistem ePROPER. Ia bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dan penambahbaikan yang sewajarnya untuk memastikan pelaksanaan serta Sistem ePROPER menepati peraturan dan Pekeliling SPP Bil. 1 Tahun 2016.

Paparan Skrin Sistem ePROPER

Selamat Datang

Sistem Proses Perkhidmatan (ePROPER)

Sistem ePROPER merupakan sistem yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi membolehkan Ketua Jabatan di semua peringkat agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pengajian Politeknik dan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memprakarakan secara dalam talian bagi urusan perkhidmatan yang berkaitan dengan Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT), Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP), Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP) dan Pemberian Taraf Berpencen (PTB) kepada SPP.

[Pekeling SPP Tahun 2016 (Projek Rintis) Pelaksanaan Sistem ePROPER, [Panduan Pengguna Sistem ePROPER dan [Manual Pengguna Sistem ePROPER boleh dimuat turun disini.

Log Masuk Sistem

ID Pengguna : ID Pengguna

Kata Laluau : Kata Laluau

Log Masuk atau Lupa Kata Laluau

Selamat Datang

Sekiranya anda mempunyai sebarang masalah. Sila hubungi Talian Hotline Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Inbox ePROPER

1. Pengesahan Pelantikan : 0 urusan
2. Pengesahan Dalam Perkhidmatan : 0 urusan
3. Pelanjutan Tempoh Percubaan : 0 urusan
4. Pemberian Taraf Berpencen : 0 urusan

Pengesahan Pelantikan Tetap

Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT) bermaksud proses mengesahkan lantikan seseorang pegawai yang telah bersetuju menerima tawaran pelantikan ke jawatan tetap dan telah memenuhi syarat tawaran.

Klik Disini

Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) bermaksud proses mengesahkan perkhidmatan seseorang pegawai dalam tempoh percubaan yang telah memenuhi semua syarat skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan dari semasa ke semasa dan diperlukan oleh Ketua Jabatan.

Klik Disini

Pemberian Taraf Berpencen

Pemberian Taraf Berpencen (PTB) adalah proses pemberian taraf berpencen seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan mendak opsyen Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Klik Di Sini

SISTEM eRULING

Jalinan kerjasama antara SPP dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) di bawah usaha Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) dengan menggunakan sistem yang dibangunkan oleh SPA untuk menyimpan dan mengemas kini keputusan dasar yang diluluskan oleh Mesyuarat Suruhanjaya secara dalam talian.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama SPA bermula daripada 16 Januari 2015 supaya proses penyediaan kompilasi keputusan dasar untuk Sistem eRULING SPP diwujudkan dengan menggunakan server dalaman SPA. Setelah beberapa proses pengujian dan proses konfigurasi untuk sistem dilaksanakan, Sistem eRULING sedia untuk digunakan pada 1 Julai 2016.

Objektif utama penggunaan sistem ini adalah untuk membolehkan warga SPP untuk mengakses secara dalam talian keputusan dasar sedia ada dengan cepat dan tepat pada bila-bila masa.

Paparan Skrin Sistem eRULING

Top Screenshot (Login Page):

- Tarikh: 08/06/2017 Masa: 9:17:56 AM
- Form fields: Login, Kata Laluan
- Buttons: Login, Reset
- Note: Paparan dan fungsi terbaik menggunakan google chrome

Bottom Screenshot (Main Dashboard):

- Tarikh: 08/06/2017 Masa: 9:18:44 AM
- Header: Selamat Datang : SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN, Carian Ruling, Cari
- Left Sidebar: Senarai Ruling (Halaman Utama, Carian Ruling, Senarai Mengikut Fungsi, Senarai Mengikut Tahun, Senarai Status Arkib)
- Main Content:
 - Bil. Suruhanjaya
 - 1. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) 1169
 - 2. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP) 93

Top Screenshot (Index of Decisions):

- Tarikh: 24/01/2017 Masa: 10:04:30 AM
- Header: Selamat Datang : SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN, Carian Ruling, Cari
- Left Sidebar: Senarai Ruling (Halaman Utama, Carian Ruling, Senarai Mengikut Fungsi, Senarai Mengikut Tahun, Senarai Status Arkib)
- Section: SENARAI INDEKS RULING SPP
- Table:
 | Jumlah ruling = 86 | | |
| --- | --- | --- |
| Fungsi | Tahun | |
| 1. PANGGILAN TEMU DUGA | 16 | 10 |
| 2. PENGAMBILAN | 5 | 6 |
| 3. PENETAPAN GAJI | 17 | 12 |
| 4. PELENTIKAN | 33 | 9 |

Kompilasi Keputusan Dasar SPP

Susulan kepada keputusan untuk mewujudkan Sistem eRULING, satu jawatan kuasa telah dibentuk terdiri daripada Setiausaha, Timbalan Setiausaha dan semua Setiausaha Bahagian untuk menyemak ketepatan senarai keputusan dasar yang sedia ada sebelum dimuat naik ke dalam Sistem eRULING SPP. Sebanyak 91 keputusan

dasar SPP telah berjaya direkodkan di dalam sistem ini mulai tahun 2000 hingga terkini melalui semakan ke atas minit Mesyuarat Suruhanjaya dan senarai keputusan dasar yang sedang diguna pakai oleh Bahagian-bahagian yang merangkumi perincian seperti **Jadual 23**.

**Jadual 23: Bilangan Keputusan Dasar Yang Direkodkan
Bagi Tahun 2000 – 2016**

BIL.	FUNGSI	BILANGAN
1.	PELANTIKAN	35
2.	PENETAPAN GAJI	17
3.	PANGGILAN TEMU DUGA	16
4.	PENGAMBILAN	6
5.	PEMBERIAN TARAF BERPENCEN	3
6.	PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	2
7.	KAWALAN TATATERTIB	1
8.	LAIN-LAIN	11
JUMLAH		91

SISTEM PEMARKAHAN TEMU DUGA

Sistem Pemarkahan Temu Duga (SPTD) dibangunkan sebagai pemudah cara Pengerusi dan Urusetia Temu Duga mengunci masuk markah temu duga secara dalam talian sewaktu urusan temu duga dijalankan.

Sistem ini berupaya mengemas kini data berkaitan keputusan temu duga secara *real time* seterusnya menjimatkan masa, tenaga dan kos perjalanan temu duga.

SPTD telah digunakan secara rintis di Putrajaya sahaja bermula pada November 2015 dan diperluaskan ke seluruh negara mulai Januari 2017.

Terdapat tiga (3) kategori pengguna SPTD iaitu Urus setia temu duga, Pengerusi temu duga dan pentadbir sistem

Objektif sistem ini dibangunkan antara lainnya adalah seperti berikut:

1. Bagi memelihara integriti data dan kebolehpercayaan stakeholders terhadap keputusan temu duga.
2. Keputusan markah temu duga dikemukakan secara dalam talian selain tidak lagi perlu menyediakan salinan secara manual.
3. Mempercepatkan pemprosesan urusan hebatan keputusan temu duga kepada calon.
4. Mengelakkan kes kehilangan dokumen yang dihantar secara manual.
5. Mengurangkan kos pengurusan dan penyelenggaraan seperti ruang penyimpanan stor, kunci masuk surat, tenaga kerja dan lain-lain.

Paparan Skrin SPTD

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
Aras 1-4, Blok B3, Kompleks JPM
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 Putrajaya

TARIKH	PENGERUSI	PUSAT TEMUDUGA	JAWATAN	OPSYEN/PROGRAM
14/03/2017	YBHg. TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN	12 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN	1184 PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41	PLPIP Lihat
14/03/2017	YBHg. DATO' HAJI SUFA'AT BIN TUMIN	12 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN	1184 PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41	PENDIDIKAN ISLAM Lihat
14/03/2017	YBHg. DATO' HAJI SUFA'AT BIN TUMIN	12 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN	1184 PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41	PLPIP Lihat
14/03/2017	YBRS DR. MASNAH BINTI ALI MUDA	12 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN	1184 PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41	BAHASA ARAB Lihat
14/03/2017	YBRS DR. MASNAH BINTI ALI MUDA	12 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN	1184 PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41	PPC Lihat

UJIAN PSIKOMETRIK

Ujian Psikometrik diperkenalkan di SPP pada tahun 2016 ke atas calon-calon yang memohon jawatan PPP Gred DG41 secara interim dan pasaran terbuka terutamanya bagi calon lepasan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Mesyuarat Suruhanjaya telah bersetuju supaya Ujian Psikometrik oleh IPGM iaitu Ujian Sahsiah Guru (INSAK) dan Indeks Pengesanan Kendiri (IPK) digunakan oleh SPP bagi menilai tahap psikologi calon PPP yang diambil daripada pasaran terbuka untuk tempoh penggunaan jangka masa pendek. Walau bagaimanapun, bagi calon interim yang telah dilantik oleh pihak KPM, mereka hanya perlu menjalani Ujian Psikometrik IPK sahaja.

Manakala bagi tempoh masa sepenuhnya penggunaan Ujian Psikometrik di SPP, kerjasama di antara SPP dan JPA akan diadakan dengan menambah baik Indeks Pengesanan Unit (IPU) melalui kaedah *business process reengineering* dan mengenal pasti jurang analisa.

SPP telah menggariskan beberapa terma rujukan Ujian Psikometrik seperti berikut:

- (i) Membangunkan satu sistem yang dapat menilai individu atau calon yang berminat dalam profesion keguruan;
- (ii) Menilai kebolehupayaan dan kredibiliti calon sebagai seorang guru;
- (iii) Menjadikan profesion keguruan sebagai pilihan utama dan bukannya laluan kemasukan ke Perkhidmatan Kerajaan semata-mata;
- (iv) Menjana laporan analisis tahap psikologi terhadap calon guru berdasarkan modul-modul yang dibangunkan; dan
- (v) Penentuan pemarkahan atau skala kelayakan calon untuk menjadi guru.

SPP telah melaksanakan beberapa sesi temu duga yang melibatkan pelaksanaan Ujian Psikometrik iaitu pada 29 hingga 30 Ogos 2016 melibatkan calon interim dan *open market* kelahiran Sarawak. Manakala 6 hingga 8 Disember 2016 melibatkan calon interim kelahiran Sabah dan Sarawak.

Taklimat dan Sesi Ujian Psikometrik Kepada Calon PPP



SISTEM OPERASI PEJABAT SPP (e-OPeS)

Sistem Operasi Pejabat SPP (e-OPeS) dibangunkan bertujuan untuk mengurus permohonan urusan pentadbiran pejabat SPP secara dalam talian. Sistem e-OPeS telah dibangunkan oleh BPM dan sesi latihan kepada warga SPP telah diadakan pada 1 September 2016 dan 28 Oktober 2016.

Empat (4) kemudahan urusan pentadbiran pejabat telah dibangunkan melalui sistem e-OPeS iaitu :

- (i) Permohonan Tempahan Bilik Mesyuarat;
- (ii) Permohonan Tempahan Kenderaan Pejabat;
- (iii) Direktori SPP; dan
- (iv) Aduan ICT.

Melalui Surat Arahan Setiausaha SPP Bilangan 14 Tahun 2016 bertarikh 2 Disember 2016, Sistem e-OPeS telah dilaksanakan di SPP dan semua permohonan sehingga selesai diambil tindakan oleh bahagian berkaitan diuruskan secara dalam talian. Makluman status permohonan dan tindakan susulan berkaitan menggunakan e-mel rasmi kerajaan.

Statistik penggunaan bagi setiap kemudahan yang diberikan secara dalam talian dilihat semakin meningkat dari bulan ke bulan. Tahap kesedaran dan penerimaan kakitangan terhadap kemudahan yang diberikan amat memberangsangkan.

Statistik kadar capaian dari Oktober 2016 sehingga Disember 2016 adalah seperti **Jadual 24**.

BIL	BULAN	KADAR CAPAIAN
1	OKTOBER	504
2	NOVEMBER	440
3	DISEMBER	530
JUMLAH		1,474

Sesi Latihan Sistem e-OPeS Kepada Warga SPP



Jadual 24: Statistik Kadar Capaian Penggunaan Sistem e-OPeS Bagi Tahun 2016



DIARI 2016

JANUARI



21 JANUARI 2016

Perhimpunan Khas YB. Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Bersama SPP, MAMPU dan SPA di Auditorium JPM, Putrajaya



26 JANUARI 2016

Lawatan Ahli Suruhanjaya ke SMK Muhibbah, Sg. Siput, Perak

FEBRUARI



16 FEBRUARI 2016

Majlis Perpisahan dua (2) Ahli Suruhanjaya yang telah tamat kontrak



24 FEBRUARI 2016 - Penyertaan SPP dalam Karnival SPA di Johor Bahru

MAC



3 MAC 2016

Lawatan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

APRIL



27 APRIL 2016

Lawatan dari wakil-wakil Universiti Tun Hussin Onn (UTHM)

MEI



6 MEI 2016 - Taklimat Sistem ePROPER kepada wakil-wakil sekolah Putrajaya



Majlis Pelancaran Projek Rintis Sistem ePROPER di Dewan Utama Bangunan Kementerian Pelancongan, Putrajaya



11 MEI 2016 - Taklimat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 di Auditorium JPM



18 MEI 2016 - Taklimat Pekeliling Sistem ePROPER di Bilik Mesyuarat Utama SPP



24 MEI 2016

Penyertaan SPP dalam Karnival Kerjaya SPA di Pusat Konvensyen Tamadun Islam, Kuala Terengganu



30 MEI 2016

YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris melapor diri sebagai Setiausaha SPP yang baru

JUN



1 JUN 2016 - Lawatan SPP ke Festival Floria Diraja Putrajaya di Anjung Floria, Putrajaya



3 JUN 2016

Perhimpunan Bulanan SPP di Auditorium JPM

JULAI



20 JULAI 2016 - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016 JPM di PICC, Putrajaya



25 JULAI 2016

Majlis Jamuan Hari Raya
Aidilfitri SPP 2016



OGOS



20 OGOS 2016

Pasukan koir SPP telah menyertai Pertandingan Koir sempena Program Seni Budaya MPSJ 2016 di Garden Boulevard, USJ dan mendapat tempat keempat.

SEPTEMBER



7 SEPTEMBER 2016 - Taklimat SPP kepada pelajar PISMP di IPG Kampus Kampus Darulaman, Kedah



29 SEPTEMBER 2016 - Penyertaan SPP dalam Karnival Kerjaya SPA di Dewan Bandaran Ipoh, Perak

OKTOBER



2 OKTOBER 2016

Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H di MAEPS, Serdang





15 OKTOBER 2016 - Karnival Lan Berambeh Anak Sarawak di PWTC, Kuala Lumpur



22 OKTOBER 2016 - Hari Keluarga SPP 2016 di Taman Rekreasi Bukit Jalil, Kuala Lumpur.



23-25 OKTOBER 2016

Kursus Retreat SPP Siri 1 di Felda Tekam Residence Resort, Jerantut

NOVEMBER



6 - 8 NOVEMBER 2016 - Kursus Retreat SPP Siri 2 di Felda Tekam Residence Resort, Jerantut



10 NOVEMBER 2016 - Mesyuarat Perhubungan SPP dengan KPM dan KPT di PICC, Putrajaya



18 NOVEMBER 2016

Mesyuarat SPP dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (KPPK)



25 NOVEMBER 2016

Majlis Pelancaran Pelan Strategik SPP 2016-2020 dan Majlis Makan Malam sempena tamat kontrak 8 (Iapan) Ahli Suruhanjaya di Hotel Dorsett, Putrajaya yang disempurnakan oleh YB. Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

DISEMBER



1 DISEMBER 2016 - Majlis Angkat Sumpah 9 (sembilan) orang Ahli Suruhanjaya baharu di Istana Kehakiman, Putrajaya



6 DISEMBER 2016 - Mesyuarat Perancangan Sasaran Kerja Tahun 2017 di Hotel Dorsett, Putrajaya.



15 DISEMBER 2016

Kursus Sistem ePROPER Kepada warga SPP di MAMPU, Putrajaya





LIPUTAN MEDIA

BERITA HARIAN • 15 November 2016

Temu duga peringkat negeri lebih berkesan

Kuala Lumpur: Pelaksanaan temu duga pengambilan guru dilakukan pada peringkat negeri berkenaan. Ia memberi kesan negatif kepada kerajaan di peringkat negeri.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan awam dan pegawai Negeri (NUP), Kamarozaman Abd Razak, berkata jabatan pelajaran negeri bukan merupakan maklumat daripada Pejabat Pengajian dan Penilaian dan berhubung jumlah kokosongan jawatan dan guru mata pelajaran yang ada di kawasan perintadbaran mereka.

Katanya, kaedah itu lebih berkesan kerana temu duga mengatasi keperluan di kawasan perintadbaran mereka berbanding dengan temu duga pengambilan guru pada peringkat negeri bersama-sama dengan temu duga di negeri berkenaan berbanding ketika ini pelaksanaan secara berperintah oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Beliau berkata, adik kes kurangnya guru untuk mata pelajaran tertentu yang menyebabkan subjek berkenaan diajar guru lain berdasarkan opsyen mata pelajaran itu, secara bersyursus dilihui-turi memberi kesan negatif kepada pelajar.

Berdasarkan keperluan

Temu duga pengambilan guru dilakukan berdasarkan keperluan di negeri berkenaan sesuai dilakukan di sana mengikut bilangan guru mampati umum-jurutera dan kerana ia tidak dilaksanakan dalam peringkat negeri, katanya berkata dihubungi semalam.

Datuk Seri Mahdzir Khalid dilaraporkan berkata, Kementerian Pengajian dan Penilaian (MPP) akan duduk temu duga pengambilan guru pada peringkat negeri bersama-sama dengan temu duga di kawasan perintadbaran mereka berbanding ketika ini pelaksanaan secara berperintah oleh SPP.

Gagasan itu juga bertujuan mengurangkan masalah guru duduk lahir akibat berjauhan de-



Like

Share

Comment

Save

Print

Report

Block

Unblock

Follow

Unfollow

Report

Block

Unblock

Follow

</div

BORNEO POST online • 27 September 2016



NEWS - BUSINESS - SPORTS - UTUSAN BORNEO - THESUNDAYPOST - COLUMNS - BPO SEEDS - BAT

General

Sarawak closer to administrative autonomy in EPP appointments

September 27, 2016, Tuesday a Jeremy Veno, reporters@theborneopost.com



KOTA SAMARAHAN: Sarawak has taken a step closer towards administrative autonomy with the delegation of power to local officers to represent the Education Service Commission (EPP) in the appointment of teachers in the Federal Civil Service.

A total of 20 education officers born in the state yesterday received their letter of appointment as chairman of the Interview Board for EPP in Sarawak from the Minister in the Prime Minister's Department Datuk Joseph Entulu at the National Administration Institute (Intan) Sarawak campus here.

"I am confident that by 2018, we would be able to reach the minimum 90 per cent target of Sarawak-born teachers serving in the state," said Entulu, adding that the 10 per cent would be filled by teachers from Peninsular Malaysia.

He reminded that these teachers from Peninsular Malaysia who formed the 10 per cent would not be confined to teaching religious classes only.



Komitmen penuhi keperluan pendidikan masa hadapan

Unjuran ambilan guru KPM

Oleh SARIUL ZAMRI MEGRAINI



SABAN tahun perodien unjuran kerjaan guru-guru merupakan salah satu aspek yang penting dan dititiharkan dalam perangaman sumbangan kerajaan untuk pendidikan di Malaysia (KPM).

Unjuran perkerjaan guru tersebut bermakna untuk memperbaiki dan memperbaiki kualiti guru yang dapat memenuhi keperluan dalam jangka masa panjang serta menjadi terus tetapi berpadan dengan perkembangan teknologi.

Selain itu, unjuran guru diperlukan sebagai satu alat dan elemen dalam proses penggaluan polisi serta membina seorang guru berkualiti dan membangun strategi pendidikan berterusan.

Menurut Ketua Sektor Unjuran, Bahagian Perwakilan dan Povidikensi Dausi, Dr Ahmad Khairi De Jumah Ismail, terdapat dua kaedah utama dalam menerancang unjuran keperluan guru pada setiap tahun.

"Perancangan, kira melihat dari segi keperluan guru mana pun yang mana memberi kouta kepada kepala sekolah dan pelajar-pelajar yang ada di seluruh negara," katanya.

Menurutnya, kira melihat dari segi keperluan guru mana pun yang mana memberi kouta kepada kepala sekolah dan pelajar-pelajar yang ada di seluruh negara," katanya.

Menurutnya, kira melihat dari segi keperluan guru mana pun yang mana memberi kouta kepada kepala sekolah dan pelajar-pelajar yang ada di seluruh negara," katanya.

UNJURAN penyediaan guru bermakam untuk menyediakan dan memperlengkap guru yang dapat memenuhi keperluan dalam jangka masa panjang serta menjadikan teras utama dalam caesar pendidikan.

men melalui dasar atau program pendidikan semasa yang mempunyai penekanan kepada keperluan guru dan elemen sekolah bertujuan untuk memperbaiki bahasa Melayu dan memperkuatkan bahasa Inggeris (MBMBB) termasuk aspek Pengetahuan Teknikal dan Latihan Vokasional (CTLV).

"KPM juga memodifikasi proses perancangan unjuran ambilan latihan guru berdasarkan keperluan dan kelebihan keperluan dengan menetapkan sebanyak dua kali keluar latihan dan sebanyak empat kali penempatan guru di luar negara untuk mendapatkan berlebihan lekukungan yang ketara di sekolah seluruh negara," katanya.

Ketua Pengurusan Setiausaha, Unit Ambilan Guru, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KPM, Izral Zuhairi Mohamed Dessa berkata, pihaknya berperangaman dalam mencari solusi dan data-data calon unjuran pengambilan guru pada setiap tahun di samping melaraskan pengambilan serta penempatan guru baru bersama pihak Sarawak dan Perbadanan Pelajaran (SPP) dan Bahagian

BORNEO POST online • 26 November 2016



NEWS - BUSINESS - SPORTS - UTUSAN BORNEO - THESUNDAYPOST - COLUMNS - BPO SEEDS - BAT

Nation

Ali announces new appointments of PSC, ESC and EC members

November 26, 2016, Saturday



PUTRAJAYA: Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa yesterday announced the appointment of new members of the Public Service Commission (PSC), Education Service Commission (ESC) and the Election Commission (EC).

In a statement, Ali said all appointment had received the consent of the Yang di-Pertuan Agong and would be for a three-year term beginning from the date they took their oath of office and loyalty.

According to the statement, former Natural Resources and Environment Ministry Secretary-General Datuk Seri Zoal Azha Yusof has been appointed as Deputy Chairman of the PSC.

Five individuals have also been appointed as PSC new members, namely former Public Service Department post-service division director Datuk Yeow Chin Keong, former Sarawak Federal Secretary Datuk Md Yahya Basimin, former Public-Private Partnership Unit senior deputy director-general Datuk Abdul Ghafar Musa, former Higher Education Ministry deputy secretary-general (Development) Datuk Nasir Mohd Dam, and former Kuala Lumpur and Putrajaya Health Department director Datuk Dr Narimah Nor Yahaya.

Meanwhile, the ESC chairman Tan Sri Dr Halli Dolhan has been reappointed to head the commission for another two-year term, with new members comprising former Education Department deputy director-general (Teacher Professionalism Development) Datuk Misrah Ibrahim, former Education Ministry deputy director-general (Operations) Datuk Sufia Tun, former Aminuddin Bakri Institute director Serina Sauni, and former Education Ministry Curriculum Development Division director Dr Masnah Ali Muda.

Other newly-appointed members of the ESC are Deputy Rector of Institute of Teacher Education Malaysia Datuk Dr Lee Boon Hua, former director-general of Polytechnic Education Department Datuk Mohlis Jaafar, former Finance Ministry Corporate Strategy and Communications under secretary Datuk S Kumaran, and former Health Ministry Policy and International Relations under secretary Choy Lup Bong. — Bernama

KOSMO • 9 Januari 2016





PENGIFTIRAFAN



SPP adalah antara 41 agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah menerima Sijil Penghargaan Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama HRMIS (5 Bintang) Bagi Tahun 2016



SEKALUNG PENGHARGAAN

SPP merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli Suruhanjaya yang tamat kontrak dan Urus Setia SPP yang bersara/ bertukar ke agensi lain dalam tahun 2016 atas sumbangan mereka sepanjang bertugas di SPP.

AHLI SURUHANJAYA – TAMAT KONTRAK

Bil	Nama	Tarikh
1.	Tuan Haji Abdul Adzis Bin Abas	19.02.2016
2.	Puan Rahimah Binti Mohd Sura	19.02.2016
3.	YBhg. Dato' Dr. Soh Chee Seng	19.06.2016
4.	YBhg. Dato' Haji Azmi Bin Che Mat	25.11.2016
5.	YBhg. Dato' Haji Imran Bin Idris	25.11.2016
6.	YBhg. Dato' Abdul Halim Bin Abdul Razak	25.11.2016
7.	Tuan Haji Jamaludin Bin Yahaya	25.11.2016

URUS SETIA SPP – BERSARA

Bil	Nama	Tarikh
1.	Encik Mohd Tahir Bin Hassan	26.01.2016
2.	Encik Ahamad Suhaimi Bin Ismail	01.05.2016
3.	YBhg. Dato' Abu Bakar Bin Othman	06.05.2016
4.	Encik Noh Bin Mat	02.07.2016

URUS SETIA SPP – BERTUKAR KELUAR

Bil	Nama	Tarikh
1.	Puan None Fadzellawaty Binti Jamaludin	04.01.2016
2.	Puan Nurul Azreena Binti Kamarudin	22.02.2016
3.	Puan Elvy Binti Nicholas	22.02.2016
4.	Puan Norrasyidah Binti Jerani	01.04.2016
5.	Puan Noor Jumaaton Binti Razikin	01.04.2016
6.	Puan Norul Azura Binti Md Amran	08.04.2016
7.	Encik Mohd Taupik Bin Yusof	18.04.2016
8.	Encik Yusmasani Binti Yusuf	31.05.2016
9.	Encik Mohammad Shuib Maula Rosli	03.05.2016
10.	Puan Nuuraulia Binti Md Isa	08.06.2016
11.	Encik Raja Shahidi Bin Raja Shahrudin	22.08.2016
12.	Encik Ahmed Mu'az Bin Zainul Ariffin	05.09.2016
13.	Puan Yasrina Binti Yasim	26.09.2016
14.	Puan Salbiah Binti Munulin	19.09.2016
15.	Puan Nur Hidayatul Farhana	05.09.2016
16.	Puan Farah Wahida Binti Md Noor	07.11.2016
17.	Puan Nurhaslinda Binti Abdul Shukor	14.11.2016
18.	Puan Lee Yee Yan	01.11.2016
19.	Encik Anwar Bin Umar Ruszaman	07.11.2016
20.	Puan Siti Nurul Hudda Binti Dahlia	21.11.2016
21.	Puan Faridah Binti Aripin	21.12.2016



GLOSARI

AKP	- Anggota Kumpulan Pelaksana
APP	- Anggota Perkhidmatan Pendidikan
IPGM	- Institut Pendidikan Guru Malaysia
UA	- Universiti Awam
ISMP	- Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	- Kementerian Pendidikan Tinggi
KPPM	- Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
KWSP	- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
PBM	- Pihak Berkuasa Melantik
PDP	- Pengesahan Dalam Perkhidmatan
PISMP	- Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PKP	- Pegawai Khidmat Pelanggan
PM	- Pembantu Makmal
PO	- Pembantu Operasi
PPM	- Pembantu Pengurusan Murid
PPP	- Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPT	- Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PSTT	- Pakej Setuju Terima Tawaran
PT (Kew)	- Pembantu Tadbir (Kewangan)
PT (P/O)	- Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
PTB	- Pemberian Taraf Berpencen
PTP	- Pelanjutan Tempoh Percubaan
SABK	- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SLTP	- Skim Latihan Tenaga Pengajar
SPP	- Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
TFM	- <i>Teach For Malaysia</i>



LAGU SPP

LAGU SPP



Tekad, tegas dan adil
Efisien dan amanah
Mengambil kira semua
Hasrat pelanggan

Tanpa mengira bangsa
Tanpa mengira masa
Kami tetap berkhidmat

Dalam mencapai wawasan
Kami pentingkan kualiti
Dalam transformasi dan misi bestari
Yang terbaik jadi pilihan

Bersama modal insan cemerlang
Hasrat negara didahulukan
Berlandaskan kod etika
Dengan hati yang suci

SPP dinamik, efektif dan berintegriti
SPP peneraju modal insan
Sektor pendidikan

spp.gov.my



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
(IBU PEJABAT PUTRAJAYA)**

Aras 1-4, Blok B3,
Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8871 7499

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
URUS SETIA CAWANGAN SABAH**

Aras 1, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-488 521/522/523/524 Faks: 088-487 257

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK**

Tingkat 3 & 4, Blok 17, KCCLD
Jalan Lapangan Terbang
93250 Kuching, Sarawak
Tel: 082-537 000 Faks: 082-537 027